

# Kesumba akan adakan majlis makan malam amal Mei tahun depan


UB 21.9.2017 A4

KOTA KINABALU: Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita Universiti Malaysia Sabah (Kesumba) akan mengadakan majlis makan malam amal pada Mei tahun depan.

Menurut Yang Dipertua Kesumba yang juga isteri Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Roha Asmara, majlis itu bagi mengutip sumbangan untuk disalurkan kepada pelajar universiti yang termasuk dalam kategori miskin tegar.

“Selain mengundang para pelajar miskin tegar, kita juga bercadang mengundang para pesakit kanser dan menjangka jumlah keseluruhan jempunan sekitar 300 orang.

“Sumbangan dikutip dalam bentuk jualan meja makan malam yang kita anggarakan



**NORLIDAH (lima dari kiri) menerima cendera kenangan daripada Roha.**

berharga antara RM1,000 hingga RM5,000.

“Penaung kelab iaitu Toh Puan Hajah Norlidah RM Jasni juga bakal menjadi tetamu kehormat pada majlis

itu nanti,” katanya selepas mengadakan kunjungan hormat terhadap isteri Yang Dipertua Negeri Toh Puan Hajah Norlidah RM Jasni di Istana Negeri, pagi Rabu.

Tambah beliau, kunjungan itu juga bertujuan memperkenalkan barisan Exco Kesumba yang baharu untuk sesi 2017-2019 kepada Norlidah.